JABATAN PELAJARAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
PERSIARAN DUTA, OFF JALAN DUTA
50604 KUALA LUMPUR.
Tel : 03-6203 7777 Faks : 03-62037788
Laman Web : http://www.moe.gov.my/jpwpkl

Rujukan Kami : JPWP 700-8/2/6(2)
Tarikh : 17 Januari 2011

Pengetua,
Sekolah-sekolah Menengah,
Kuala Lumpur.

Tuan/Puan/Datin,

PERMOHONAN KEMASUKAN KE ASRAMA 1MALAYSIA (A1M) KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA 2011

Dengan hormatnya merujuk surat dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia bilangan KP.(BPSH-SPKIA) 703/11 Jld.2(50) bertarikh 3 Januari 2011 mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah memutuskan agar permohonan memasuki **Asrama 1Malaysia** dibuka kepada semua pelajar tingkatan 1 tahun 2011 di semua sekolah Menegah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan di Semenanjung Malaysia. Bagi sesi 2011 seramai 100 orang murid lelaki (40 Melayu & lain-lain: 30 Cina : 30 India) dan akan ditempatkan di SMK Victoria, SMK Methodist, Kuala Lumpur dan SMK St. John. Bersama-sama ini disertakan sesalinan surat berkenaan yang jelas menerangkan maksudnya dan borang permohonan ke tingkatan satu Asrama 1 Malaysia 2011.

3. Sehubungan itu, pihak Tuan/Puan/Datin hendaklah memperbanyakkan borang berkenaan dan mengedarkan kepada pelajar tingkatan satu yang berminat. Borang yang telah dipenuhkan hendaklah diserahkan semula ke Jabatan ini sebelum atau pada 27 Januari 2011. Sebarang pertanyaan boleh rujuk atau hubungi En. Mohd Noh Bin Buhari di Unit Sekolah Menengah Jabatan Pelajaran Negeri, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur melalui talian telefon 03-62036312.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ABD.HALIM BIN ISMAIL)
Ketua Sektor,
Sektor Pengurusan Sekolah,
b.p Pengarah,
Jabatan Pelajaran Negeri, Wilayah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

sk

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Aras 3 & 4, Blok E2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.

CERTIFIED TO ISO 9001:2000, CERT NO : AR 4166

"CEMERLANG DALAM KALANGAN YANG CEMERLANG"

(Sila catatkan no. rujukan Jabatan ini apabila berurusan)